



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA

KENYATAAN MEDIA

NOTIS UNTUK TUNJUK SEBAB KEPADA CHE MUNA BINTI DIN KERANA HANTARAN YANG BERSIFAT MENGHINA MAHKAMAH

Jabatan ini telah menyerahkan Notis Untuk Tunjuk Sebab kepada penama Che Muna binti Din pada 10 September 2025 selaras dengan Aturan 52 Kaedah 2B Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, berikutan satu hantaran yang dimuat naik di laman media sosial *Facebook* dengan nama akaun "Mona Din" pada 4 September 2025, berkaitan dengan prosiding Inkues Zara Qairina binti Mahathir.

Penghantaran Notis Untuk Tunjuk Sebab ini merupakan sebahagian daripada prosedur yang perlu dipatuhi bagi memulakan prosiding pengkomitan kerana menghina mahkamah.

Daripada penelitian Jabatan ini didapati hantaran yang telah dimuat naik oleh Che Muna binti Din, yang antara lain mempertikaikan keterangan saksi pakar iaitu Dr Jessie Hiu, Pakar Patalogi Forensik di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah, berpotensi untuk mempengaruhi pandangan awam serta mengganggu perjalanan prosiding Inkues yang sedang dijalankan.

Jabatan ini juga ingin memaklumkan bahawa pertuduhan jenayah terhadap beberapa individu lain yang telah membuat kenyataan berkaitan dengan kes melibatkan Zara Qairina binti Mahathir, yang berpotensi mengganggu perjalanan prosiding Inkues, akan dikemukakan dalam masa terdekat. Jabatan ini memandang serius sebarang tindakan yang boleh menjejaskan proses keadilan dan tidak akan

teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas menurut peruntukan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang berbuat demikian.

Sehubungan itu, Jabatan ini mengingatkan orang ramai supaya tidak memuat naik, mengulas atau menyebarkan sebarang hantaran yang boleh menimbulkan kekeliruan atau mengganggu prosiding mahkamah yang sedang berjalan.

JABATAN PEGUAM NEGARA

11 SEPTEMBER 2025